

TR 1:6:71

UCAPAN PERDANA MENTERI DI ISTIADAT  
MENGADAP DAN PENGURNIAAN DARJAH-  
DARJAH KEBESARAN MALAYSIA DI ISTANA  
NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 2HB JUN,  
1971

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al Sultan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al Marhum Badlishah. Yang Dipertuan Agung Malaysia.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Pada hari yang berbahagia ini, had yang pertama kalinya negara meraikan Hari Keputeraan Tuanku semenjak Duli Tuanku menaiki Takhta Kerajaan sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung, patik, bagi pihak Kerajaan dan Rakyat Malaysia, dengan penuh takzim melafazkan sembah ucapan setinggi tahniah ke bawah Duli Tuanku.

Maka bagi mengambil sempena hari yang gilang gemilang ini patik bagi pihak pacal-pacal ahli-ahli Jumaah Menteri, pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia memohon ampun melafazkan sekali lagi ikrar taat setia patik-patik sekalian terhadap Duli Tuanku.

Patik mempunyai penuh keyakinan dengan izin Tuhan dan dengan berkat daulat ke bawah Duli Tuanku, negara Malaysia akan mencapai kejayaan yang lebih gemilang di dalam segala bidang perusahaan dan kemajuan pada masa akan datang.

Ampun Tuanku,

Sesungguhnya negara ini amatlah bertuah kerana pemerintahan Duli Tuanku akan memulakan satu babak baru dalam sejarah negara Malaysia yang dikasihi ini. Dalam masa tiga belas tahun sejak tercapainya Kemerdekaan, banyak langkah-langkah dan usaha-usaha telah diperbuat oleh Kerajaan Tuanku bagi memperkuatkan landasan politik negara ini dan memperkenalkan Malaysia kepada dunia di samping mengadakan asas-asas infrastructure iktisad yang kukuh. Semua usaha-usaha ini telah dapat dijalankan dengan berjaya dan memuaskan.

Sekarang sudah sampailah masanya Malaysia memasuki zaman baru, iaitu satu zaman yang penuh dengan usaha-usaha dan rancangan-rancangan bagi memperkuat harmoni dan perpaduan di kalangan rakyat dengan tujuan mendirikan masyarakat yang lebih adil dan saksama. Langkah-langkah tegas ke arah ini akan dijalankan berdasar pada asas-asas yang telah disediakan itu.

Untuk melaksanakan cita-cita ini, Kerajaan Tuanku telah menyiapkan Rancangan Malaysia Kedua yang mana telahpun diisytiharkan dan akan dibincangkan dalam Sidang Parlimen pada bulan Julai kelak. Rancangan ini akan menitikberatkan usaha-usaha pembangunan yang hebat serta berani untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Persediaan-persediaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sudah pun disusun dengan rapi dan patik serta pacal-pacal dalam Jumaah Menteri akan sentiasa mengawasi supaya seluruh jentera Kerajaan akan bergerak serta berjalan dengan licin dan sempurna. Kerajaan adalah insaf bahawa kejayaan usaha-usaha pembangunan inilah yang akan menentukan untung nasib negara dalam menghadapi masa-masa hari depan. Oleh itu Kerajaan berazam akan melaksanakan Rancangan Malaysia ini dengan sepenuh-penuhnya.

Ampun Tuanku,

Kerajaan Duli Tuanku sedar bahawa masalah-masalah besar dan rumit yang dihadapi oleh negara ialah kemiskinan dan pengangguran, terutama di kalangan belia-belia dan juga keadaan ekonomi yang tidak seimbang. Namun begitu, Kerajaan berharap bahawa rancangan-rancangan yang telah diatitkan akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi itu.

Ampun Tuanku,

Kerajaan Duli Tuanku sedar juga peri mustahaknya tenaga muda di dalam pembangunan negara. Oleh kerana kesedaran ini, patik serta pacal-pacal ahli Jumaah Menteri sedang berusaha meletakkan taraf belia di tempat yang sewajarnya. Baru-baru ini Kerajaan Tuanku telah menubuhkan Majlis Belia Perundingan Negara dengan tujuan supaya golongan muda negara ini mendapat peluang bersama-sama memikul tanggungjawab mengendalikan jentera pemerintahan dan pembangunan negara.

Di dalam hubungan ini, sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung yang termuda sekali pernah memerintah, Duli Tuanku adalah menjadi punca inspirasi kepada seluruh jenerasi muda negara ini. Patik yakin golongan muda sebagai tenaga penggerakan dan pelupur pembaharuan, akan tampil ke hadapan berganding bahu membangunkan rakyat untuk mencapai matlamat-matlamat negara dan meletakkan Malaysia di tempat yang tertinggi di mata dunia antarabangsa.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Akhirnya, patik bagi pihak pacal-pacal ahli-ahli Jumaah Menteri, pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat Malaysia berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala, moga-moga dilanjutkan usia Tuanku serta Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agung dalam pemeliharaan Allah, sihat walafiat untuk memerintah negara ini dengan aman dan sentosanya. Sekianlah persembahan patik.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.